



**MEDIA STATEMENT**  
**DEPUTY PRIME MINISTER**

**Malaysia and Japan Strengthen Halal Trade, Investment and Quality Employment**

It is a great pleasure to be here today in Osaka, Japan, to meet with distinguished representatives from Japanese businesses, marking a significant milestone in our ongoing partnership between Malaysia and Japan in advancing Halal standards and practices globally.

Organized by the Halal Development Corporation Berhad (HDC), an agency under the Ministry of Investment, Trade, and Industry (MITI), today's roundtable meeting underscores the importance of collaboration in meeting the growing demand for Halal goods and services, valued at an impressive USD 3 trillion.

I wish to emphasize the strong bond between Malaysia and Japan, highlighted by our mutual dedication to Halal matters. Japan's commendable commitment to Halal integrity, as evidenced by its six Halal certification bodies recognized by JAKIM, highlights its significant role in the global Halal market.

Despite Japan's relatively small Muslim population, the country's Halal market presents substantial opportunities for growth and collaboration. Malaysia's total exports reached MYR59.46 billion in 2022, with Halal exports to Japan alone accounting for MYR3.6 billion, showcasing the immense potential for bilateral trade relations in the Halal sector.

Recognizing the challenges faced by Halal products originating from non-Muslim countries like Japan, HDC encourages leveraging Malaysia's expertise and infrastructure to facilitate global reach. As the Chairman of Malaysia Halal Development Council (MPIH), all important Halal stakeholders are ready to assist Japan in enhancing its Halal infrastructure and supply chain, thereby strengthening our bilateral trade relations.

Today, I am pleased to witness the signing of two Memorandums of Understanding (MoU). The first MoU, between HDC and AEON Co. (M) Berhad, aims to promote Malaysian Halal products in Japan. AEON (M) will provide guidance to Malaysian businesses entering Japan, promote HDC's Halal Integrated Platform (HIP), and organize pitching sessions for Halal products. HDC, in turn, will collaborate on providing Halal training programs for Japanese businesses, facilitating their entry into the Halal market.

Meanwhile the second MoU, between HDC and Japan Halal Association (JHA), aims to enhance Halal infrastructure and certification in Japan. This collaboration focuses on human capital development and expertise exchange to streamline the Halal certification process for restaurants in Japan. Both HDC and JHA share a commitment to promoting Halal integrity globally and empowering local businesses, a significant step towards advancing the Halal industry and supporting Muslim communities in Japan and beyond.

In conclusion, Japan's success in the Halal industry is a testament to its adeptness at adaptation and compliance, maintaining cultural authenticity while adhering to stringent Halal standards. Through innovation and targeted marketing strategies, Japan has elevated its appeal and accessibility to Halal consumers, further solidifying the opportunity and Malaysia's position as the global leader in the Halal ecosystem.

Thank you.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**  
DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA

22 FEBRUARY 2024



## **KENYATAAN MEDIA**

### **TIMBALAN PERDANA MENTERI**

#### **MEMPERKUKUHKAN PERDAGANGAN HALAL, PELABURAN DAN PEKERJAAN BERKUALITI DI ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN**

Hari ini, saya telah mengadakan pertemuan bersama pemain industri halal terkemuka di Jepun, sekali gus meletak asas lebih kukuh dan mencatat lembaran baharu dalam memperkasa kerjasama berterusan antara Malaysia dan Jepun, terutama ke arah meningkatkan amalan serta piawaian halal antarabangsa.

Sidang meja bulat anjuran Halal Development Corporation Berhad (HDC), sebuah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), hari ini telah menggariskan kepentingan dalam menyelaras kerjasama antara pemain industri kedua-dua negara bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap barangan dan perkhidmatan halal dunia yang kini mencatat nilai mencecah lebih AS\$3 trilion.

Saya ingin menekankan kerjasama kukuh antara Malaysia dan Jepun, yang dapat dilihat menerusi kesungguhan kedua-dua negara dalam hal berkaitan pembangunan industri halal. Komitmen Jepun dalam memastikan aspek kualiti dan integriti halal menerusi enam (6) badan pensijilan halal di Jepun yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), membuktikan peranan pentingnya dalam pasaran global.

Walaupun bilangan penduduk beragama Islam di Jepun agak kecil, pasaran halal negara ini tetap mewujudkan peluang besar bagi pertumbuhan serta kerjasama dalam industri halal. Sebagai contoh, jumlah eksport Malaysia mencecah RM 59.46 bilion pada 2022, dengan eksport halal ke Jepun berjumlah RM 3.6 bilion. Angka ini jelas mencerminkan potensi besar boleh diterokai dalam perdagangan sektor halal antara kedua-dua negara.

Mengambil kira cabaran dihadapi produk halal dikeluarkan negara bukan majoriti Islam seperti Jepun, HDC menggalakkan kepakaran dan infrastruktur dimiliki Malaysia membantu usaha capaian global. Sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Halal Malaysia (MPIH), semua pemegang taruh halal bersedia membantu Jepun meningkatkan infrastruktur dan rangkaian bekalannya, sekaligus memperkukuh hubungan dagang dua hala.

Hari ini juga, saya berbesar hati menyaksikan majlis menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU), yang pertama di antara HDC dan AEON Co. (M) Berhad, bertujuan mempromosi produk Halal Malaysia di Jepun. AEON (M) akan menyediakan panduan perniagaan kepada pemain industri halal Malaysia bagi menembusi pasaran Jepun, mempromosi Platform Bersepadu Halal HDC (HIP) dan menganjurkan sesi pembentangan untuk mempromosi produk Halal. HDC juga akan bekerjasama dalam menyediakan program latihan Halal untuk pemain industri halal Jepun bagi memudahcara kemasukan mereka ke dalam pasaran halal.

MoU kedua antara HDC dan Persatuan Halal Jepun (JHA) pula bertujuan meningkatkan infrastruktur dan pensijilan Halal di Jepun. Kerjasama ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan dan perkongsian kepakaran untuk menyelaraskan proses pensijilan Halal bagi restoran di Jepun. HDC dan JHA memberi komitmen untuk mempromosikan aspek integriti Halal secara global dan memperkasakan perniagaan tempatan sebagai antara langkah penting ke arah memajukan industri Halal dan menyokong komuniti Islam di Jepun dan seluruh dunia.

Saya melihat kejayaan Jepun dalam industri halal adalah bukti kesungguhan dan kesediaan mereka dengan mengadaptasi serta mematuhi sambil mengekalkan nilai budaya dan pada masa sama, mematuhi peraturan halal yang ketat. Menerusi inovasi dan strategi pemasaran bersasar, Jepun berjaya meningkatkan tarikan dan kebolehcapaiannya untuk meyakinkan pengguna produk halal, sekaligus membuka ruang untuk Malaysia sebagai peneraju ekosistem halal antarabangsa.

Terima kasih.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**  
TIMBALAN PERDANA MENTERI

*22 FEBRUARI 2024*